

## Penjanaan Semula Ekonomi Asnaf: Cadangan Perniagaan Sosial

Najwa Mohd Khalil  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [najwamk@ymail.com](mailto:najwamk@ymail.com)

Hairunnizam Wahid  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [hairun@ukm.my](mailto:hairun@ukm.my)

Sanep Ahmad  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [nep@ukm.my](mailto:nep@ukm.my)

### ABSTRAK

Dalam merealisasikan matlamat negara ke arah Wawasan 2020, Malaysia sedang mengorak langkah ke arah status negara maju. Oleh itu, Malaysia seharusnya menitikberatkan kemajuan dan transformasi paradigma pengurusan zakat. Fungsi zakat hendaklah dilihat dari perspektif yang lebih meluas terutama dari aspek perancangan ekonomi asnaf zakat dan bukan hanya melihat pada aspek pelaksanaan ibadah khusus sahaja. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membina modus operandi berdasarkan modul yang dikemukakan oleh Yunus pada tahun 2010. Kajian ini merupakan kajian jenis deskriptif yang merungkai permasalahan agihan zakat dalam bentuk modal perniagaan. Data diperoleh dari pelbagai sumber antaranya ialah buku, jurnal, artikel, laporan bulanan, Rancangan Malaysia Ke-10, surat khabar dalam talian dan laman sesawang yang berkaitan. Modus operandi yang dibina diharapkan dapat membantu golongan asnaf khususnya asnaf fakir dan miskin keluar dari kepompong kemiskinan dan menjalani serta menikmati kehidupan seperti insan lain selain meningkatkan minat golongan asnaf dalam aspek keusahawanan. Oleh itu, diharap cadangan inovasi dan transformasi terhadap bentuk pengagihan zakat ini mendapat perhatian pelbagai pihak terutamanya pihak institusi zakat. Dalam melaksanakan perniagaan sosial, ia memerlukan penglibatan semua pihak iaitu institusi zakat, asnaf serta masyarakat setempat yang memainkan peranan penting di dalam membangunkan ekonomi ummah. Model ini juga mengambil kira kekuatan jiwa asnaf dalam menjiwai dan menghayati konsep *hablun min Allah* dan *hablun min al-nas*. Secara umumnya kajian ini menunjukkan bahawa bantuan modal zakat oleh pihak institusi zakat akan memberi satu implikasi maslahat yang besar dalam usaha memperbaiki ekonomi asnaf. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa model perniagaan sosial akan memberikan kesan yang positif terhadap golongan asnaf melalui bantuan modal zakat. Hal ini adalah kerana perniagaan sosial mempunyai perkaitan antara instrumen kewangan pembiayaan kredit mikro dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Oleh itu, perniagaan sosial dijangkakan dapat menjana semula ekonomi asnaf dan melahirkan keperibadian usahawan asnaf yang rabbani serta dapat meningkatkan ketakwaan di dalam jiwa mereka.

Kata kunci: *Kredit mikro*, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Perniagaan Sosial, Agihan Zakat

### ABSTRACT

*Guided by the Vision 2020 objectives, Malaysia is on the right track towards achieving the developed nation status. In line with this, the relevant stakeholders must also emphasize the development and shift in paradigm in the field of Zakat management. Zakat management authorities can no longer restrict the construct of Zakat as a function of discharging the duty of worship (Ibadah) alone. Instead, it should be viewed from a broader economic perspective, in particular, its role in economic transformation of the Zakat recipients. In light of the above, this research was carried out with the objective of establishing a*

*modus operandi based on the module presented by Yunus (2010). Specifically, this is a descriptive research aimed at resolving problems associated with disbursement of Zakat in the form of seed capital for the Zakat recipients to start their own business. The data in the research were obtained from various sources including books, journals, articles, monthly reports, materials on 10<sup>th</sup> Malaysia Plan, newspapers, and online sources. The modus operandi proposed by this research is poised to become an effective mechanism to assist those entitled to Zakat assistance, especially the poor and destitute, to escape the vicious cycle of poverty apart from instilling their interest in entrepreneurship activities. Therefore, it is hoped that this innovative suggestion to transform the mode of Zakat disbursement will get the attention it deserved from the relevant authorities. The proposed modus operandi however demands involvement of all parties : the Zakat institutions (Zakat management authorities), the Zakat recipients and the local community. The proposed model also takes into consideration the inner or spiritual strength of the Zakat recipients in living out the religious commandments to safeguard both relation with Allah (hablun min Allah) and also relation with fellow human beings (hablun min al-nas). In general this study shows that startup capita assistance obtained from the Zakat fund create a lasting positive implication in the efforts to improve the economic condition of the recipients. The result of this research shows that social business model brought about a positive impact on Zakat recipients by turning them into entrepreneurs through startup capital assistance obtained from the Zakat fund. This is due to the fact that social business model are closely related to micro credit lending facilities provided by Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Social business is therefore projected to regenerate the Zakat recipients economic condition and eventually produce entrepreneurs from among Zakat recipients who are equipped with God-awareness personality and increased piety.*

*Keywords: Micro Credit, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Social Business, Distribution of Zakat*

## **PENGENALAN**

Menurut Laporan Ekonomi 2012/2013 kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 3.8 peratus pada tahun 2009. Ini menunjukkan bahawa Malaysia telah mencapai kemajuan yang amat membanggakan dalam mengurangkan kadar kemiskinan di seluruh negara. Namun begitu isu kemiskinan masih lagi berada di tahap yang membimbangkan (Malaysia, 2013). Kegawatan ekonomi dan kos sara hidup yang semakin meningkat merupakan salah satu punca berlakunya masalah kemiskinan dalam negara. Oleh hal yang demikian kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha membasmi kadar kemiskinan negara, antaranya ialah Dasar Transformasi Kerajaan (GTP), Model Ekonomi Baru (MBE), dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Dari perspektif ekonomi, pendapatan merupakan indikator penting dalam menentukan tahap kewangan seseorang. Oleh hal yang demikian, golongan yang tidak mempunyai pekerjaan tetap atau penganggur adalah tergolong di dalam golongan miskin. Berdasarkan Laporan Ekonomi 2012/2013 sejumlah 102,300 orang pelajar yang tercicir daripada sistem persekolahan awam pada setiap tahun (Malaysia, 2013). Selain itu beberapa kajian juga telah menunjukkan bahawa kebanyakan golongan asnaf mempunyai tahap pendidikan yang rendah (Amin & Salim, 2012; Malaysia, 2011; Omar et al. 2012; Saad, 2011 & Humberg 2011). Oleh hal yang demikian, ini menyukarkan golongan asnaf bagi mendapat pekerjaan kerana golongan asnaf tidak mempunyai kelulusan akademik minimum yang diperlukan oleh sesuatu bidang pekerjaan dengan itu mereka sering kali tergolong sebagai golongan pekerja sambilan atau penganggur. Keadaan ini telah mengakibatkan, golongan asnaf tidak memperoleh pendapatan yang mencukupi bagi menampung keperluan harian.

Dari hadis sahih Bukhari dan Muslim, Nabi Muhammad S.A.W bersabda:

*“Orang miskin itu bukanlah mereka yang berkeliling meminta-minta agar diberi sesuap dua nasi, satu dua biji kurma, tapi orang miskin itu ialah mereka yang hidupnya tidak berkecukupan kemudian diberi sedekah dan mereka itu tidak pergi meminta-minta pada orang lain”.*

Pemberian bantuan kewangan yang berterusan menjadikan golongan asnaf selesa dan sentiasa ingin kekal dalam status *quo* sebagai asnaf zakat. Hal ini menyebabkan golongan asnaf sering dilihat kurang berwawasan dan tidak mampu mengubah kehidupan mereka. Oleh itu, pendedahan mengenai cara menjana ekonomi asnaf perlu diketengahkan supaya mereka tidak lagi dibelenggu dengan masalah kemiskinan serta membolehkan mereka berdikari dan berupaya mengubah kehidupan pada tingkat yang lebih baik (Yusof 2011).

Yunus (2010) berpendapat golongan miskin tidak berupaya meningkatkan taraf hidup kerana mereka tidak mempunyai modal perniagaan yang mencukupi. Oleh itu beliau telah mencadangkan, bahawa golongan ini diberikan suntikan modal perniagaan pada masa dan situasi yang betul, ia berkemungkinan dapat membantu golongan ini keluar dari kepompong kemiskinan. Justeru beliau telah mencadangkan kaedah perniagaan sosial yang telah terbukti berjaya mengubah ekonomi penduduk miskin di beberapa negara. Kajian ini mencadangkan agar pihak institusi zakat dapat menggunakan kaedah perniagaan sosial dalam membantu usahawan asnaf berjaya dalam dunia perniagaan dan pada masa yang sama pihak institusi zakat berjaya mencapai objektif pengagihan bantuan modal zakat dalam membangunkan sosioekonomi ummah. Kaedah perniagaan sosial yang dicadangkan ini juga merupakan salah satu mekanisme pengagihan wang zakat yang menyediakan penyelesaian kepada golongan asnaf bagi mencapai keperluan hidup serta merupakan suatu proses jaminan pendapatan dalam jangka masa panjang. Konsep perniagaan sosial ini membolehkan golongan asnaf melakukan perniagaan secara berkumpulan serta mempunyai tahap sosial dan setia kawan yang kukuh. Dengan cara ini ia dijangka tidak memberi tekanan emosi yang tinggi kepada asnaf dalam mendapatkan keuntungan ekonomi serta mengajar mereka bersyukur dengan rezeki yang telah dikurniakan.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang berguna kepada pihak pentadbiran dan pengurusan zakat dalam menarik minat penyertaan golongan asnaf dalam bidang perniagaan sosial. Sekaligus membolehkan mereka keluar dari kepompong kemiskinan agar ia dapat melahirkan usahawan asnaf serta membantu dalam menjana semula ekonomi dan pendapatan mereka. Kajian ini bertujuan membina modus operandi berasaskan konsep perniagaan sosial yang telah diperkenalkan oleh Yunus (2010) dan mengubah suai konsep tersebut mengikut kerangka bantuan modal agihan zakat oleh institusi zakat.

## KAJIAN LEPAS

Sejak dua dekad yang lalu, instrumen kewangan kredit mikro telah wujud bagi memenuhi keperluan asas kewangan populasi penduduk (Abed, 2000). Kaedah pembiayaan kredit mikro telah diperkenalkan bagi membaiki tahap kehidupan golongan miskin serta memungkinkan mereka keluar dari kepompong kemiskinan. Pinjaman kredit akan diberikan secara percuma tanpa cagaran dan ia membolehkan golongan miskin menjalankan aktiviti yang dapat menjana pendapatan (Rosenberg 2010). Kesan pelaksanaan kaedah pembiayaan kredit mikro di Bangladesh menunjukkan terdapat hampir 90 peratus peminjam dapat meningkatkan dan mengubah taraf hidup mereka. Program pembiayaan kredit mikro di Bangladesh juga telah berjaya meningkatkan keupayaan isi rumah miskin dalam menjana pendapatan serta menjadi pemangkin kepada penubuhan perniagaan sosial (Rahman et al. 2009).

Bagi memastikan perniagaan golongan miskin terus berkembang maju, pelbagai usaha telah diambil bagi mewujudkan rangkaian yang lebih luas dan kukuh. Antara instrumen kewangan yang telah digunakan adalah pembiayaan kredit mikro di mana pembiayaan disediakan oleh institusi bukan perbankan dan juga sesuai digunakan oleh institusi perbankan Islam (Wilson 2007). Walaupun Grameen Bank mengambil masa tiga dekad untuk menerima pengiktirafan global sepenuhnya, tetapi model pembiayaan kredit oleh Grameen Bank telah mengubah paradigma pemikiran pengurusan, pembangunan, keuntungan serta perniagaan di dalam sektor kewangan termasuklah dalam sistem perbankan. Ia terbukti telah menggalakkan aktiviti keusahawanan bukan sahaja mengatasi masalah kaedah penggunaan dan pemulangan semula modal kredit malah berjaya mencapai objektif utama iaitu membasmi kemiskinan secara menyeluruh. Kaedah perniagaan sosial yang diperkenalkan telah mensasarkan kumpulan golongan miskin dan menyelesaikan masalah kemiskinan. Kemiskinan di takrifkan sebagai satu fenomena kekurangan keperluan asas kehidupan (Humberg 2011). Perniagaan sosial beroperasi sebagai sebuah syarikat perniagaan, dengan membekalkan produk, perkhidmatan, pelanggan, pasaran, serta pendapatan tetapi prinsip memaksimumkan keuntungan digantikan dengan prinsip faedah sosial bagi mencapai matlamat sosial (Yunus, 2007).

Di Malaysia, organisasi yang dibentuk termasuklah Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional (TEKUN), Agro bank, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) (Al-Mamun et al. 2012).

AIM yang diinspirasi daripada model Grameen Bank merupakan suatu program yang direka khas bagi golongan miskin dan mempunyai beberapa ciri reka bentuk seperti berikut (Omar 2002) :

1. Syarat yang sesuai dengan pinjaman; tiada penjamin, tiada faedah dan tindakan undang-undang tidak akan diambil jika gagal membayar wang pinjaman.

2. Liabiliti (tanggungan) kumpulan diperlukan bagi menggantikan penjamin. Ahli kumpulan adalah penjamin bagi setiap ahli yang lain.
3. Simpanan wajib mingguan dalam dana kumpulan merupakan suatu ciri yang menarik.
4. Pinjaman dilakukan bagi aktiviti-aktiviti menjana pendapatan dan ia akan dipantau oleh kakitangan AIM.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian jenis deskriptif iaitu merungkai permasalahan agihan zakat dalam bentuk modal perniagaan. Pengumpulan data dibuat melalui sumber yang diambil daripada buku, jurnal, artikel, laporan bulanan dan Rancangan Malaysia Ke-10, maklumat daripada surat khabar dalam talian, dan laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk kajian. Rujukan dibuat bagi mengkaji struktur perniagaan sosial. Kajian ini telah mencadangkan modus operandi perniagaan sosial berdasarkan teori kajian yang telah dilakukan terhadap instrumen pembiayaan kredit mikro dan AIM.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Instrumen Pembiayaan Kredit mikro**

Pembiayaan kredit mikro adalah program yang memberi pinjaman dalam jumlah yang kecil kepada orang miskin bagi menjalankan perniagaan dalam menjana pendapatan diri dan keluarga. Misi utama pembiayaan ini adalah membantu golongan miskin (Microcredit 2004).

Rajah 1, menunjukkan struktur kredit mikro yang biasa digunakan oleh institusi bukan bank.

Huraian:

1. Dalam usaha memudahkan proses pinjaman tanpa cagaran atau penjamin oleh institusi bukan bank kepada golongan miskin. Pembiayaan dilakukan berdasarkan konsep amanah. Oleh itu peminjam perlu menyertai kumpulan penerima pembiayaan mikro, di mana ahli kumpulan diberi pinjaman kecil dan pinjaman baru akan diberikan selepas pinjaman sebelumnya dibayar.
2. Pembayaran perlu dilakukan dalam jangka pendek iaitu pada skala seminggu atau dua minggu. Jika terdapat ahli kumpulan yang tidak melakukan pembayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan maka pinjaman seterusnya tidak akan diberikan.

Pinjaman ini diwujudkan sebagai modal sosial bagi projek-projek yang dijalankan oleh penerima pinjaman yang berjaya menubuhkan kumpulan pembiayaan mikro. Dengan cara ini ia dapat mendisiplinkan ahli kumpulan dan memupuk semangat kerjasama antara satu sama lain (De Aghion & Morduch, 2005).

Kebanyakan usahawan di Malaysia menghadapi masalah bagi memulakan perniagaan mereka sendiri kerana kesukaran dalam mendapatkan sumber dana kewangan daripada bank atau institusi kewangan lain. Ketiadaan pelan perniagaan, kekurangan penjamin dan rekod pinjaman yang tidak lengkap bagi menyokong pinjaman mereka telah menyebabkan pihak bank beranggapan bahawa penyediaan kemudahan kredit kepada usahawan kecil mempunyai risiko kegagalan yang tinggi dalam membayar kembali pinjaman (Ismail, 2001).

Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan di Bangladesh antaranya, Morduch (2008) di mana kajian beliau melibatkan suri rumah miskin di Bangladesh yang merumuskan bahawa program pembiayaan kredit mikro gagal membantu dalam membasmi kemiskinan sebaliknya ia hanya membawa kepada memenuhi kepuasan corak penggunaan golongan miskin. Morris dan Barnes (2005) menyimpulkan bahawa program pembiayaan mikro gagal mengurangkan kemiskinan malah ia telah meningkatkan akses pinjaman yang lebih tinggi kepada golongan miskin. Konveos (2004) membuat kesimpulan bahawa program pembiayaan mikro ini tidak efektif di laksanakan kerana kaedah pemilihan dan pembiayaan peserta tidak mencapai kumpulan sasaran. Dana yang disalurkan hanya menguntungkan sektor perniagaan kecil yang mempunyai hubungan politik dengan peminjam. Chowdhury (2007) menyatakan bahawa kelemahan pentadbiran dalam program pembiayaan mikro disebabkan oleh birokrasi, pentadbiran institusi bukan bank yang tidak telus, tiada penguatkuasaan serta tiada pengalaman dalam memerangi rasuah. Maka pembiayaan mikro menjadi tidak berkesan dalam memerangi kemiskinan.

### **Program Kredit Mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)**

Di Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah suatu organisasi bukan kerajaan yang menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan (pinjaman dalam nilai kecil) dan latihan kepada isi rumah yang miskin dan miskin tegar bagi memperbaiki keadaan sosio ekonomi mereka. Kebanyakan peserta yang menyertai program ini terdiri daripada golongan miskin. Manakala golongan miskin tegar lebih cenderung untuk menerima bantuan kewangan daripada pihak kerajaan atau lembaga zakat negeri.

Kajian yang dijalankan oleh Research and Development unit AIM di negeri Selangor menunjukkan bahawa sebanyak 98 peratus daripada kalangan isi rumah miskin yang menyertai program AIM mengalami peningkatan pendapatan per kapita bulanan (R&D, 1990). Pemilihan peserta adalah berdasarkan pendapatan purata di bawah garis kemiskinan yang ditentukan oleh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Program ini mensyaratkan, isi rumah perlu membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada lima orang ahli (*sahabat*) dan setiap *sahabat* perlu mengambil bahagian dalam mesyuarat pusat atau mingguan yang diadakan. Hal ini adalah bagi mengawal perkembangan perniagaan yang dijalankan (Al-Mamun et al. 2012).

Rajah 2, menunjukkan struktur program AIM yang dipraktikkan di Malaysia.

Huraian:

1. AIM memberikan sumbangan berbentuk modal kepada isi rumah yang miskin agar ia dapat memberi peluang kepada golongan ini dalam menjana pendapatan. Di mana syarat dan prosedur pinjaman adalah bersesuaian. Iaitu pinjaman diberikan tanpa faedah, tanpa cagaran, serta tidak memerlukan penjamin. Apabila pinjaman telah dibayar sepenuhnya, maka pinjaman yang lebih besar akan ditawarkan.
2. Pembayaran perlu dilakukan dalam jangka pendek iaitu pada skala seminggu atau dua minggu. Oleh kerana tiada penjamin maka pengganti jaminan diperlukan. Sebuah kumpulan akan dibentuk yang terdiri daripada lima orang *sahabat*. Setiap *sahabat* dalam satu kumpulan perlu menjadi penjamin bagi *sahabat* yang lain.

Walaupun program ini dapat membantu isi rumah miskin dalam menjana pendapatan tetapi ia mempunyai kelemahan dari segi pembayaran balik pinjaman yang menggalakkan golongan ini supaya sentiasa belunggu dengan hutang pinjaman yang lebih banyak (Hamdan et al. 2012). Budaya suka berhutang sebegini amat ditegah oleh Islam. Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan bagi tujuan melebihi keperluan asas kehidupan. Dalam situasi ini, seseorang itu dibenarkan berhutang tetapi jumlah hutang tersebut bergantung kepada jumlah pendapatan individu agar hutang dapat dilunaskan serta kehidupan dapat dijalani dengan baki pendapatan (Sulaiman, 2010). Meskipun Islam mengharuskan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan, namun tindakan memberi pinjaman demi pinjaman setelah selesai membayar pinjaman hutang adalah tidak wajar dijadikan sebagai amalan atau budaya melainkan dalam keadaan terdesak atau sangat memerlukan.

### **Perniagaan Sosial**

Perniagaan sosial menyumbang kepada ekonomi masyarakat dalam meningkatkan kemahiran individu, kebebasan dan fungsi sosial atau emosi (Cohen, et al. 2008; Warner & Mandiberg 2006). Menurut Yunus (2010), perniagaan sosial terbahagi kepada dua jenis.

- i. Perniagaan sosial type I.  
Di mana pelabur menyumbangkan dana ke dalam syarikat dan keuntungan yang diperoleh akan digunakan untuk memperluas dan memperbesarkan perniagaan. Pemodal tidak diberikan sebarang dividen.
- ii. Perniagaan sosial type II.

Perniagaan yang dimiliki oleh orang-orang miskin, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Oleh yang demikian sumbangan modal zakat yang diberikan kepada usahawan asnaf adalah bersesuaian berada dalam ruang lingkup perniagaan sosial jenis kedua (type II). Fokus utama perniagaan sosial type II adalah membantu asnaf serta menyediakan penyelesaian bagi mengatasi masalah asnaf fakir dan miskin dalam memperbaiki kehidupan dan perniagaan yang di jalan tidak

tertumpu kepada keuntungan semata-mata (Musa 2011). Konsep perniagaan sosial akan mendatangkan nilai yang lebih bermakna jika ia dapat membantu masyarakat dalam memperoleh sumber kewangan dengan cara menepati syarak Islam.

Terdapat tujuh prinsip bagi menentukan dan mengkategorikan perniagaan sosial (Yunus, 2010) iaitu:

- i. Objektif perniagaan sosial bukan memaksimumkan keuntungan tetapi ia adalah bagi mengatasi masalah kemiskinan di kalangan masyarakat seperti masalah pendidikan, kesihatan, dan persekitaran.
- ii. Kewangan dan ekonomi kemampatan
- iii. Pelabur akan memperoleh jumlah pelaburan mereka sahaja, dividen tidak akan diberikan ke atas jumlah pelaburan tersebut.
- iv. Walaupun jumlah pelaburan dibayar kembali, ia tidak menjejaskan keuntungan perniagaan. Malahan penambahbaikan dan pengembangan boleh dilakukan.
- v. Mementingkan penjagaan alam sekitar.
- vi. Pekerja mendapat upah dengan nilai pasaran yang lebih baik.
- vii. Melakukannya dengan kegembiraan.

Ketujuh-tujuh prinsip ini menjelaskan bahawa, objektif perniagaan sosial bukanlah memaksimumkan keuntungan semata-mata tetapi ia dapat membantu masyarakat dalam meneruskan kelangsungan hidup. Kajian ini berpendapat ia seiring dengan kepentingan pencapaian maqasid syariah.

Prinsip ketiga dan keempat merupakan peranan institusi zakat sebagai pelabur dalam menjayakan program ini. Kajian ini mencadangkan jumlah pelaburan tersebut di beri dalam bentuk peratusan saham perniagaan. Manakala jumlah pelaburan yang perlu di bayar oleh usahawan asnaf adalah berbentuk zakat perniagaan. Selain itu prinsip yang terakhir mengajar supaya melakukan sesuatu dengan penuh keikhlasan agar kegembiraan dapat di kecapi. Malah ramai ahli psikologi bersetuju bahawa kemahiran individu akibat nilai keagamaan yang dianuti tidak akan menghakis kehidupan, tetapi ia adalah senjata bagi mengawal tekanan hidup yang akhirnya dapat meningkatkan kepuasan hidup (Wahid et al. 2011).

Program perniagaan sosial berasaskan zakat ini adalah penting kerana ia dapat mengatasi ciri-ciri kelemahan program pembiayaan kredit mikro konvensional yang mengenakan kadar faedah, kos operasi yang tidak telus serta meningkatkan tanggungan pinjaman oleh golongan miskin atau isi rumah miskin. Oleh itu, cadangan perniagaan sosial yang menggunakan dana zakat membantu membebaskan asnaf fakir dan miskin daripada dibelenggu kemiskinan serta jumlah hutang yang besar.

## CADANGAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melihat permasalahan asnaf fakir dan miskin boleh diatasi dengan bantuan oleh institusi zakat yang menjadi wang zakat sebagai modal awal dalam menjalankan perniagaan sosial. Prinsip asas pembiayaan kredit mikro merupakan langkah awal dalam pembentukan perniagaan sosial. Perniagaan sosial adalah alternatif kepada Lembaga Zakat dalam memberikan modal perniagaan kepada golongan asnaf.

Rajah 3 mencadangkan struktur perniagaan sosial bagi institusi zakat. Institusi zakat memainkan peranan yang penting dalam menguruskan wang kutipan dan agihan zakat.

Huraian:

1. Isi rumah atau komuniti yang telah cukup syarat zakat akan membayar zakat kepada institusi zakat.
2. Sebahagian hasil kutipan wang zakat oleh institusi zakat akan diagihkan kepada usahawan asnaf dalam bentuk peratusan saham perniagaan. Usahawan asnaf merupakan satu kumpulan asnaf yang terdiri daripada empat atau lima orang ahli yang dikenali *sahabat*.
3. Dengan adanya *sahabat*, maka setiap kemahiran dapat dikongsi serta membolehkan penghasilan barang dan perkhidmatan yang memenuhi cita rasa komuniti. Kumpulan usahawan asnaf membekalkan perkhidmatan atau barangan kepada isi rumah atau komuniti.
4. Isi rumah akan membekalkan sumber pendapatan kepada usahawan asnaf melalui penggunaan perkhidmatan atau pembelian barangan. Sumber pendapatan ini akan digunakan sebagai modal pusingan serta lebihannya akan di agihkan di kalangan *sahabat* sebagai pendapatan usahawan asnaf.

5. Dengan pendapatan yang diperoleh diharapkan usahawan asnaf dapat membayar zakat perniagaan kepada institusi zakat.

Melihat kepada struktur perniagaan sosial yang dicadangkan, ia memberi peluang kepada asnaf dalam menjana ekonomi keluarga serta meringankan penderitaan yang dialami oleh mereka sebelum ini. Ia juga menunjukkan bahawa kesan kutipan dan agihan wang zakat dapat membantu ummah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kewujudan permintaan dan penawaran yang berterusan akan mengelakkan berlaku inflasi dan kekerapan menghadapi kemerosotan, kemelesetan dan kelembapan ekonomi (Ghazali 2010). Bagi memperkukuhkan kedudukan konsep zakat, bantuan yang diberikan bukan berbentuk pinjaman tetapi ia adalah suatu bantuan modal perniagaan agar golongan asnaf dapat membuat anjakan paradigma dalam meningkatkan mutu kehidupan mereka. Fungsi institusi zakat begitu signifikan bagi mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat iaitu golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Dalam mencadangkan transformasi pembiayaan kredit mikro kepada perniagaan sosial, dikhuatiri terdapat dari kalangan *sahabat* yang mengambil kesempatan di atas kerajinan atau ketekunan *sahabat* lain melakukan perniagaan. Perkara ini akan menyukarkan perjalanan perniagaan. Namun masalah ini dapat diatasi sekiranya pihak institusi zakat dapat meningkatkan kekuatan kerohanian oleh asnaf. Salleh (2009) berpendapat kekuatan kerohanian seseorang individu sangat penting, kerana ia merupakan 90 peratus daripada keseluruhan kekuatan perniagaan berbanding faktor kekuatan (*quwwah*) yang hanya meliputi 10 peratus. Beliau juga membahagikan kekuatan sesuatu organisasi itu terbahagi kepada empat bahagian, pertama; kekuatan dengan Allah S.W.T (*hablun min Allah*), kedua ialah kekuatan ikatan sesama manusia (*hablun min al-nas*), ketiga ialah kekuatan teknikal, memahami falsafah, serta kaedah dan hala tuju perniagaan secara selaras dan keempat barulah kekuatan modal (Salleh, 2009). Semua kekuatan ini perlu diterapkan dalam model perniagaan sosial yang telah dicadangkan.

Penekanan terhadap kekuatan *hablun min Allah* dan *hablun min al-nas* juga boleh dimainkan oleh institusi zakat. Dalam memberikan modal institusi zakat juga perlu memantau perkembangan perniagaan usahawan asnaf serta memberi penekanan dalam membentuk sahsiah diri usahawan asnaf agar dapat merealisasikan perniagaan yang berkonsepkan pembangunan ummah. Perniagaan merupakan suatu perjuangan. Bagi mencapai perjuangan ini, sesuatu perniagaan perlulah memiliki ciri-ciri berikut :

1. Mempunyai pemimpin yang berkebolehan, boleh memberi iman, menyuburkan jiwa anak buah, memberikan ilmu, memberikan panduan, menunjukkan contoh, memberikan kasih sayang dan menyediakan pekerjaan, di samping mempunyai sifat takwa, berminda (ber idea), berinovasi, berkasih sayang dan bekerja (bertindak)
2. Ada pengikut atau pekerja yang berkebolehan, yakni yang boleh taat, boleh bekerja dan mahir dalam bidang masing-masing, ada rasa tanggungjawab untuk kembangkan perniagaan (*sense of belonging*), tidak bekerja seperti robot (tanpa idea), serta bersifat pendakwah.
3. Mempunyai maklumat yang jelas, yakni mencari keredaan Allah S.W.T dan bukan untuk mencari kekayaan sendiri.
4. Mempunyai dasar syariat sebagai pengukur dan panduan
5. Memiliki strategi dan kaedah yang tepat.

Berdasarkan kaedah ini, ia dapat mengembangkan lagi perniagaan dengan mempunyai dasar kekuatan *hablun min Allah* dan *hablun min al-nas* yang kukuh dalam memajukan lagi perniagaan seorang Muslim.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulan, walaupun hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa instrumen kewangan kredit mikro dan AIM memainkan peranan yang penting dalam pembentukan struktur perniagaan sosial yang dicadangkan tetapi faktor agihan zakat juga turut diambil kira. Di Malaysia institusi zakat merupakan institusi yang di tubuhkan bagi mengagihkan wang zakat kepada golongan yang berhak menerima zakat. Namun ia tidak bermakna wang agihan tersebut perlu diberikan dalam wang tunai sekali gus. Transformasi dalam strategi pengagihan juga perlu dilakukan agar golongan asnaf tidak mengharapkan wang zakat semata-mata dalam menjana ekonomi kehidupan mereka. Dengan mencadangkan wang agihan diberikan dalam bentuk saham perniagaan dan perniagaan perlu di lakukan secara berkumpulan,

adalah di harapkan ia dapat meningkatkan semangat motivasi asnaf dalam memajukan ekonomi keluarga.

Maka kajian ini diharapkan boleh memberikan gambaran terhadap struktur perniagaan sosial yang menggunakan wang agihan zakat sebagai bantuan modal perniagaan. Ini seiring dengan program transformasi yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Wang zakat sepatutnya dapat digunakan bagi menangani simptom kemiskinan dalam bentuk pencegahan. Hal ini sesuai dengan kaedah Islam yang lebih mengutamakan pencegahan dari perawatan. Sesungguhnya membina kembali kehidupan fakir dan miskin adalah pekerjaan mulia, namun membiarkan mereka terjebak dahulu kemudian baru dipulihkan adalah satu perkara yang tidak begitu tepat. Selain daripada kekuatan lahiriah, terdapat juga sumber kekuatan lain bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dalam menjalan perniagaan sosial ini. Sumber kekuatan transformasi asnaf adalah *hablun min Allah* dan *hablun min al-nasdan* ia juga dikenali sebagai sumber kekuatan rohaniah. Sumber kekuatan ini tidak boleh diabaikan oleh masyarakat Muslim yang mahu menyelesaikan masalah dan mencapai kejayaan yang cemerlang. Menerusi pengagihan wang zakat khususnya dalam penjanaan modal, maka umat Islam perlu diberikan prasarana lengkap agar menjadi peniaga yang jujur dan tinggi kompetensinya.


## RUJUKAN

- Ahmad, R. a. R. S. 2011. Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir Dan Miskin Melalui Agihan Bantuan Modal Zakat. *Jurnal Pengurusan* 22(37- 44).
- Ahmad, S. & Wahid, H. 2005. Persepsi Agihan Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39(53 – 69).
- Al-Mamun, A., Adaikalam, J. & Wahab, S. A. 2012. Investigating the Effect of Amanah Ikhtiar Malaysia's Microcredit Program on the Client Quality of Life in Rural Malaysia. *International Journal of Economics and Finance* 4(1): 192-203.
- Amin, S. M. & Salim, S. S. M. 2012. Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia : Keperluan Kemahiran Pekerja Komuniti. *Academia* 82(1): 81-89.
- Anon 2011. Membantu Keluarga Miskin Berikhtiar Menambah Rezeki, Amanah Ikhtiar Malaysia.
- Chowdhury, MS 2007, „Overcoming entrepreneurship development constraints: the case of Bangladesh“, *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy*, vol.1, no.3, pp.240-251.
- Cohen, M., Goldberg, M., Istvanffy, N., Stainiton, T., Wasik, A. & Woods, K.-M. (2008). Removing Barriers to Work – Flexible Employment options for People with Disabilities in BC. Vancouver: Canadian Centre for Policy Alternatives.
- De Aghion, B.A. and Morduch, J. 2005. The Economics and Microfinance. MIT Press, Cambridge, MA.
- Ekonomi, P. R. U. P. 2011. Dasar Ekonomi Baru Pembangunan Ekonomi.
- Ghazali, D. H. R. 2010. Rebet Cukai Zakat Perniagaan : Keberketan Dalam Pengurusan Kewangan Negara.
- Hamdan, H., Othman, P. & Hussin, W. S. W. 2012. Is Microfinance Program in Malaysia Really Effective in Helping the Poor *World Review of Business Research* 2(1): 79-97.
- Hamid, H. A. 2011. Penjenamaan Semula Zakat lebih 'catchy pikat pembayar. *Berita Harian*, 01/07/2011
- Hamid, H. A. 2011. Zakat Perniagaan Dlm. Hamid, H. A. (pnyt.). *Zakat Terapi Kekayaan*, 1. hlm. 337-339. Gruo Buku Krangkraf Sdn. Bhd.
- Hashim, L. M. 2011. Minda Penerbit : Membantu Mengatasi Kegawatan Ekonomi.
- Humberg, K. M. 2011. Proverty Reduction through Social Business : Lessons Learnt from Grameen Joint Ventures in Bangladesh. [www.oekom.de](http://www.oekom.de)
- Ismail, R 2001, „Economic and social impact of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) scheme: a case study in Kedah and Terengganu“. *Humanomics*, vol.17, no.1/2, pp.141-155.
- Kadri, Z. 2012. Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi *Prosiding Perkem Vii*, hlm. 1263 – 1273
- Kelantan, M. a. I. D. a. I. M. 2012. Asnaf-Asnaf Zakat.
- Koveos, P 2004, „Financial services for the poor: assessing microfinance institutions“, *Managerial Finance*, vol.30, no.9, pp. 70-95.
- LI.M, A. a. S. 2010. Miskin Ingkar, Kaya Bersyukur. Pustaka Azhar
- Malaysia, J. K. 2011. Dasar Model Ekonomi Baru. Program Transformasi Ekonomi : Hala Tuju Untuk Malaysia.




- Malaysia, K. K. 2013. Laporan Ekonomi 2012/2013 : Pengurusan Dan Prospek Ekonomi. Kemiskinan dan Perbandaran
- Malaysia. 2010. *Rancangan Malaysia Ke Sepuluh 2010-2015*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Masyhur, D. R. a. a. a.-L. 2010. *Zakat Penjana Ekonomi Islam*. Al-Hidayah Publication
- Microcredit, S. 2004. State of Microcredit Campaign Summit Report. [www.microcreditsummit.org/pubs/report/socr/2004/SOCR04.pdf](http://www.microcreditsummit.org/pubs/report/socr/2004/SOCR04.pdf)
- Morduch, J 2008, „How can the poor afford microfinance?“, *Financial Access Initiative*, January, NYU Wagner Graduate School, viewed 18 October 2008.
- Morris, G & Barnes, C 2005, „An assessment of the impact of microfinance“, *Journal of Microfinance*, vol.7, no.1, pp. 40-54.
- Musa, S. 2011. UKM Jadikan Perniagaan Sebagai Alat Membangunkan Masyarakat. UKM Portal Berita,
- Omar, M. 2002. Towards the Reduction of Rural Poverty in Malaysia : Lessons from the Innovative Scheme of Amanah Ikhtiar Malaysia Borneo Review XIII(1):
- Omar, M. Z., Noor, C. S. M. & Dahalan, N. 2012. The Economic Performance of the Amanah Ikhtiar Malaysia Rural Microcredit Programme: A Case Study in Kedah *World Journal of Social Sciences* 2(5): 286-302.
- Rahman, A. R. A. 2010. Islamic Microfinance: An Ethical Alternative to Poverty Alleviation. *Humannomics* 26(4): 284-295..
- Rahman, R. A. & Ahmad, S. 2010. Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid Al-Syariah. Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, . Anjuran Bangi
- Rahman, S., Rafiq & M.A, M. 2009. Impact of Microfinance Program on Higher Income Borrowers : Evidence from Bangladesh. *International Business and Economics Research Journal* 8(2):
- Rancangan, M. K. 2011. Bab 4 : Menuju Ke Arah Pembangunan Sosioekonomi Secara Inklusif.
- Rosenberg, R. 2010. Does Microfinance Really Help the Poor People. <http://www.cgap.org/gm/document-1.9.41443/FN59.pdf>
- Saad, N. M. 2011. Selecting High-Income Generating Activities for Micro-Entrepreneurs: The Case Study of Amanah Ikhtiar Malaysia *International Journal of Humanities and Social Science* 1(5)
- Salleh, Muhammad Syukri. 2009. Melayu-Islam Dan Sumber Kekuatan Yang Diabaikan. Dlm. Ibrahim, K., Zain, F. M., Yunos, N. & Jamsari, E. A. (pnyt.). *Dunia Melayu Dan Islam : Satu Wacana*, ATMA UKM: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Salleh, Muhammad Syukri. 2000. Pembangunan Zaman Rasulullah S.A.W : Antara Kemiskinan Dan Kekayaan. Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- Sulaiman, S. B. 2010. Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam. 1-23.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Kader, R. A. 2009. Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian Di Malaysia *Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/09*, hlm.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Kader, R. A. 2011. Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir Dan Miskin Malaysian Journal Of Consumer and Family Economics 14(172-192).
- Wanibrah 2010. Tiga Aspek Pembangunan. Bajet penyayang Penjana Ekonomi Kelantan
- Wilson, R. 2007. Making Development Assistance Sustainable Though Islamic Microfinance. IIUM International Conference on Islamic Banking and Finance
- Yakub, P. T. H. I. 1989. Al-Umm Terjemah Kuala Lumpur Victor Agencies.
- Yin, N. M. 2006. Formula Pak Lah Dalam Meningkatkan Ekonomi Islam, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Yunus, M. 2007. Creating a World without Poverty : Social Business and the Future Capitalism. 1. Public Affairs TM.
- Yunus, Muhammad. 2010. Building Social Business : New York, Public Affairs.
- Yusof, H. M. I. B. M. 2011. Dana Zakat: Instrumen Pembasmi Kemiskinan Asnaf. Lembaga Zakat Selangor 1-23.

## LAMPIRAN RAJAH




Sumber: Rahman (2010)

RAJAH 1: Struktur Kredit Mikro



RAJAH 2 : Struktur Program AIM



RAJAH 3 : Cadangan Struktur Perniagaan Sosial oleh Institusi Zakat